



هوسپتيل تنگو أنيس قاسير قوتيه كلنتن

HOSPITAL TENGU ANIS
16800 PASIR PUTEH
KELANTAN

Tel. : 09 – 7843333 Fax : 09 – 7843444
Emel : hosptganis@moh.gov.my



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada **pembekal tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **040103 (Makanan Bermasak Islam)** dan **221506 (Menyewa Ruangan Niaga)** dan mempunyai **Sijil Bertaraf Bumiputera** yang masih sah tempohnya untuk memasuki sebutharga seperti berikut:-

NO. & TAJUK SEBUTHARGA	HARGA DOKUMEN	TEMPAT DAN MASA DOKUMEN DIPEROLEHI	KOD BIDANG	TARIKH/MASA/ TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
No. Sebutharga: HTA/SH/03/01/13/07/17 Tawaran Perkhidmatan Mengendalikan Kafeteria Di Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh, Kelantan Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	PERCUMA	Unit Hasil, Hospital Tengku Anis Pada waktu pejabat seperti berikut:- Ahad - Khamis: 8.00 pg - 1.00 ptg 2.00 ptg- 4.00 ptg	040103 dan 221506 Sijil Taraf Bumiputera	Tarikh : 11 Januari 2018 (Khamis) Masa : 2.30 petang Tempat : Bilik Mesyuarat Siti Khadijah, Hospital Tengku Anis Taklimat/Lawatan Tapak adalah WAJIB	25 Januari 2018 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan

1. Dokumen sebutharga boleh diperolehi selepas Lawatan Tapak diadakan mulai **11 Januari 2018**.
2. Syarikat/pembekal yang ingin menyertai sebutharga tersebut dikehendaki membawa bersama Sijil ASAL Kementerian Kewangan Malaysia berdaftar di dalam kod bidang berkaitan serta memberi satu salinan fotostat sijil (tidak dikembalikan) bagi tujuan pengesahan pendaftaran dan taklimat. Sila bawa bersama cop rasmi syarikat semasa pendaftaran dan taklimat. **(Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak/taklimat sebutharga. Pembekal/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam siji pendaftaran).**
3. Tawaran Kewangan dan Teknikal yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, pada 25 Januari 2018 (Khamis)**.
4. Tawaran Kewangan dan Teknikal juga hendaklah dihantar bersama dokumen lain dengan dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan serta dicatatkan **Tajuk Sebutharga** dan **Nombor Sebutharga** pada penjurong atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-dua sampul surat (Kegagalan mencatatkan Nombor Sebutharga akan menyebabkan sebutharga tidak akan dipertimbangkan). Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

**Pengarah Hospital
Hospital Tengku Anis
16800 Pasir Puteh
Kelantan.**



Di Anugerah Sijil Akreditasi MSQH
20 NOV 2015 Hingga 19 NOV 2019



Di Iktiraf Sebagai Hospital Rakan Bayi
Oleh WHO
25 JULAI 2015 Hingga 24 JULAI 2018

5. Hospital Tengku Anis tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Hospital Tengku Anis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

TT

.....
(DR.NOR HIZULMY BIN NOOR MUHAMAD)

(No Pendaftaran Penuh MPM : 35343)

Pengarah Hospital

Hospital Tengku Anis